

UCAPAN ALUAN OLEH

**Y.B. DATUK DR. EWON EBIN
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN DAN
PAMERAN BIOBORNEO 2015**

**MAGELLAN SUTERA HARBOUR RESORT
KOTA KINABALU, SABAH
20 APRIL 2015**

Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran semua jemputan ke Majlis Perasmian Persidangan dan Pameran BioBorneo 2015 yang akan disempurnakan sebentar lagi oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah.

2. Untuk makluman semua, ini merupakan kali kedua program ini diadakan di negeri Sabah semenjak Persidangan dan Pameran BioBorneo dimulakan pada tahun 2012 dan dihoskan secara bergilir antara negeri Sabah dan Sarawak dengan kerjasama antara MOSTI dan agensinya BiotechCorp dengan pelbagai pihak seperti Lembaga Pelaburan dan Pembangunan Ekonomi Sabah, Pusat Biodiversiti Sabah dan lain-lain lagi.

3. Program ini akan berlangsung selama dua hari bermula pada hari ini dan esok dengan tema ***“Bio-Based Technologies for Wealth Creation Through Bioeconomy.”*** Tema ini dipilih untuk memberi penekanan terhadap penemuan dan aplikasi teknologi berteraskan bioteknologi terutama sekali dalam bidang bio-pertanian, bio-industri dan bio-kesihatan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

4. MOSTI telah diberi tanggung jawab menerajui agenda bioteknologi negara yang terkandung dalam Dasar Bioteknologi Negara yang telah dilancarkan pada 28 April 2005 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Dasar ini telah diperkenalkan oleh Kerajaan bertujuan membina strategi khusus dan bersepadu bagi Malaysia untuk memastikan negara kita mendapat manfaat dari bidang berasaskan bio.

5. Satu dekad berlalu dan kini, kita telah pun berada dalam fasa kedua Dasar ini yang menumpukan kepada usaha-usaha pengkomersilan hasil R&D. Ini adalah selaras dengan hasrat yang dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri kita dalam Ucapan Bajet 2015 beliau di mana, Kerajaan mensasarkan pengkomersilan 360 produk berinovatif yang berimpak tinggi dalam tempoh lima tahun.

Hadirin dan hadirat sekalian,

6. Semenjak MOSTI mengisytiharkan Tahun Pengkomersilan MOSTI 2014, sehingga kini sebanyak 3,671 produk dan perkhidmatan telah pun dikomersilkan di bawah pembiayaan dana R,D&C MOSTI dalam tempoh RMKe-9 dan RMKe-10; dan 20% daripadanya adalah dalam bidang bioteknologi.

7. Antara projek yang berjaya dikomersilkan ialah pengeluaran polimer semulajadi dari *red seaweed* di Tawau dan baja *BioMac* dari sisa kilang minyak kelapa sawit dengan menggunakan teknologi mikrob juga di Tawau. Di samping itu, MOSTI juga telah memberi bantuan teknikal dan pembiayaan di bawah Dana Technofund untuk projek pengeluaran gula maltodextrin daripada kanji sagu di Sarawak dan

projek pengeluaran minyak pokok *melaleuca alternifolia* atau *tea tree oil* di Kimanis.

8. MOSTI, melalui BiotechCorp juga terlibat secara langsung dengan tiga *Entry Point Projects* (EPP) di negeri Sabah iaitu input perladangan berasaskan bio, bahan bio tempatan bernilai tinggi dan kepelbagaian makanan bernilai tinggi. Inisiatif ini terdiri daripada enam projek pencetus yang keseluruhannya dijangka dapat menyumbang sebanyak RM1.18 bilion kepada pendapatan negara kasar (GNI) dengan nilai pelaburan berjumlah RM2.95 bilion menjelang tahun 2020. Salah satu projek berimpak tinggi sedang dilaksanakan pada masa ini di Lahad Datu iaitu pembinaan *Integrated Bio-refinery Complex* yang berupaya menghasilkan pelbagai produk terbitan daripada minyak yang bermutu dan bernilai tinggi.

9. Selain itu, MOSTI juga ada menyediakan Dana Program Transformasi Bioekonomi secara pinjaman mudah (*soft loan*) yang bertujuan meningkatkan pelaburan sektor swasta dan mengurangkan kebergantungan industri kepada dana Kerajaan dalam bidang bioteknologi.

Hadirin hadirat yang saya hormati,

10. Malaysia merupakan salah satu daripada 12 negara mega-diversiti di dunia dengan hutan yang mempunyai lebih 15,000 spesies tumbuhan berbunga dan 185,000 spesies haiwan, yang mewakili 9 peratus flora dan fauna di dunia. Kita mempunyai kapasiti untuk meneroka alam persekitaran, seterusnya melaksanakan R&D dan berkerjasama dengan pihak industri untuk menghasilkan produk yang kompetitif di pasaran.

Menyedari hakikat inilah, MOSTI telah mengenalpasti bidang *neutraceutical* sebagai salah satu cabang dalam bidang bioekonomi yang berimpak tinggi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

11. Sepanjang persidangan ini, para peserta berpeluang berinteraksi dengan pakar-pakar bioteknologi serta pihak industri mengenai aplikasi teknologi berteraskan bio dalam tiga aspek utama, iaitu projek-projek yang menggunakan teknologi bio di Borneo termasuklah Brunei, aplikasi bioetika dalam penyelidikan dan pengeluaran produk, dan inisiatif yang disediakan oleh pihak Kerajaan.

12. Program satelit pula, iaitu Program *Biotech@Community* akan melatih para Juruteknik Pertanian tempatan mengenai aplikasi bioteknologi dalam industri pertanian, memberi penerangan mengenai peluang kerjaya melalui *BioCareer* dan penjualan hasil produk R&D melalui *BioShoppe*.

13. Di samping itu, lebih 30 gerai pameran daripada pelbagai pihak mengambil bahagian, justeru tuan-puan bolehlah berkunjung ke gerai-gerai pameran ini.

14. Mengakhiri ucapan, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas sokongan padu Kerajaan Negeri Sabah di bawah kepimpinan dinamik Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, melalui Lembaga Pelaburan dan Pembangunan Ekonomi Sabah selaku penganjur bersama, Pusat Biodiversiti Sabah, *Malaysian Biotechnology*

Corporation, pihak penaja dan semua agensi kerajaan dan swasta yang terlibat menjayakan program ini serta hadirin dan hadirat sekalian. Semoga program ini memberi manfaat kepada kita semua.

Sekian. Terima kasih.